

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dr. Haji Izani bin Haji Husin
(Pengkalan Chepa)**

TARIKH : 26.11.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 16

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan telah melibatkan agensi-agensi atau institusi agama seperti JAKIM di dalam program-program Kementerian seperti Program Pembangunan Minda Insan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan. Matlamat utama pelaksanaan PPMI adalah untuk **membangun, mengerakkan minda** keluarga miskin supaya berubah (*mind set*) dan **membentuk jati diri serta sikap yang positif** ke arah meningkatkan ilmu pendidikan dan kemahiran. Perubahan positif ini akan membantu individu berkenaan dan keluarga mereka untuk berdikari serta berusaha supaya dapat membebaskan diri daripada putaran ganas kemiskinan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penglibatan agensi dan institusi agama dalam pelaksanaan PPMI menggunakan modul antaranya seperti berikut:

- i. Mengguna pakai Kurikulum KAFA Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk semua Pusat PPMI; dan
- ii. Modul program adalah seperti Kem Asah Fasilitator Harapan (KAFAH), Rehlah, kem Anak Soleh (KASEH), Kursus Kemanisan Iman dan Program Cemerlang Akademik Sahsiah Terpuji.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh pelaksanaan PPMI di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh(RMKe-10), sejumlah 386 projek telah dijalankan dengan seramai 25,043 peserta telah mengikuti program tersebut sehingga Oktober 2014. Dalam pelaksanaan PPMI bagi tahun 2014, sebanyak 65 projek yang melibatkan peserta yang beragama Islam telah dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi, institusi agama atau penceramah /ustaz.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan jangka panjang dalam membuat penyusunan semula masyarakat kerana dapat dilihat komposisi penduduk berasaskan demografik dan kaum yang tidak sekata di antara bandar-bandar besar, pinggir bandar dan luar bandar.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada banci penduduk 2010, taburan penduduk yang tinggal di bandar adalah 71.4% manakala selebihnya tinggal di luar bandar. Dalam proses Malaysia ke arah sebuah negara maju, peratusan tersebut dijangka terus meningkat selari dengan kadar urbanisasi. Perkembangan ini tidak dapat dielakkan dan Kerajaan sedar jika tidak dikawal ia boleh meluaskan lagi jurang ketidakseimbangan antara bandar dan luar bandar.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah melalui rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang. Dasar-dasar ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) telah digubal dengan tujuan untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan melalui pertumbuhan ekonomi. Ianya telah diterjemahkan dalam bentuk strategi pembangunan Rancangan Malaysia Lima (5) tahun bagi memastikan komposisi penduduk antara bandar dan luar bandar adalah seimbang.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan melaksanakan pelbagai program bagi menangani isu tersebut. Antara strategi yang dilaksanakan ialah penyediaan peluang-peluang penjana pendapatan luar bandar melalui program pembangunan bersepadu seperti agropolitan iaitu projek perladangan berskala

besar, program *21st Century Village* yang memberi penekanan kepada kaedah pertanian moden yang melibatkan *contract farming*, perusahaan dan perniagaan berasaskan sumber pertanian serta program pembangunan ekonomi belia menerusi *Rural Business Challenge*. Di samping itu, pelbagai program pembangunan perkhidmatan sosial seperti bantuan perumahan, perhidmatan kesihatan, pendidikan dan latihan serta kemudahan masyarakat luar bandar yang berkualiti disediakan setanding dengan kemudahan di bandar.

Sekian, terima kasih.